

15/11/1999

PM bidas sikap wartawan media asing

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas wartawan media asing yang mendakwa kononnya pembangkang tidak mendapat liputan adil dalam kempen pilihan raya umum sekarang.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, semua media asing memberi ruang dan laporan muka depan kepada pembangkang di negara ini tetapi memutarbelitkan apa saja yang dikatakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Kita tidak mendapat liputan adil. Media asing puji dan buat apa saja untuk pembangkang, tiada langsung untuk kita. Apa saja yang kita cakap, diputar belit," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan pasukan gerak gempur pergerakan Pemuda dan Wanita BN di sini, hari ini.

Pada sidang akhbar itu, wartawan Cable News Network (CNN), Kasra Naji meminta pandangan Dr Mahathir mengenai layanan tidak adil media tempatan kepada pembangkang dalam menghadapi pilihan raya umum pada 29 November ini.

Sambil memandang ke arah wartawan itu, Dr Mahathir berkata: "Walaupun anda melihat sokongan ini (lebih 15,000 ahli Pemuda dan Wanita BN hadir di majlis itu), anda akan melaporkan bahawa tiada sokongan untuk kerajaan, itu cuma tunjuk saja".

Apabila Dr Mahathir menyatakan beliau tahu apa yang akan ditulis oleh wartawan asing itu, Kasra pula cepat menjawab: "Bukan saya".

Perdana Menteri berkata, memang media asing memberi liputan meluas kepada pembangkang dan hairan mengapa wartawan asing menyatakan pembangkang tidak mendapat layanan adil.

"Beberapa media asing dicetak di negara ini seperti Wall Street (The Asian Wall Street Journal)... Herald Tribune dicetak di sini. Kita tidak pernah menapis mereka. Mereka tidak melaporkan apa-apa kebaikan mengenai kita.

"Jika kita benar-benar menentang kebebasan akhbar, kita boleh meminta mereka keluar dari negara ini, tetapi kita tidak berbuat demikian," katanya.

Seorang wartawan wanita asing kemudian menjelaskan kepada Dr Mahathir bahawa media luar negara memberi liputan kepada pembangkang kerana tindakan media tempatan bersikap tidak adil kepada parti lawan.

Berhubung perkara itu, Perdana Menteri berkata terpulang kepada media massa tempatan apa yang mereka mahu lapor.

"Apakah anda ingat saya mendapat liputan di Harakah (lidah rasmi Pas) dan di Rokat (lidah rasmi DAP)? Mengapa mereka tidak memberi laporan sempurna mengenai apa yang saya kata di Harakah, Rokat dan di beberapa akhbar nyamuk lain yang hanya mengutuk BN?"

"Mereka tidak memberi ruang langsung kepada kami. Jika akhbar-akhbar lain yang bersimpati kepada kerajaan dan BN tidak mahu melaporkannya, itu hak mereka. Kebebasan akhbar bermakna kebebasan untuk tidak melapor apa yang mereka tidak mahu lapor dan kita tidak pernah merungut," katanya.

Dr Mahathir berkata, apa yang dilaporkan media asing mudah dibaca atau ditonton di negara ini seperti melalui CNBC, CNN dan BBC yang jarang sekali memberi laporan baik mengenai kerajaan negara ini serta berat sebelah.

Bagaimanapun wartawan asing yang hadir kelihatan tidak puas hati dengan penjelasan Perdana Menteri dan sekali lagi bertanya mengapa stesen televisyen tempatan tidak memberi ruang kepada pembangkang.

Dengan penuh sindiran, Dr Mahathir berkata: "Ya, mereka (pembangkang)

mempunyai laluan kepada CNBC, CNN iaitu media dunia. Anda tahu, ia ditonton oleh setiap orang di negara ini. Macam mana anda kata tak ada liputan (televisyen)."

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir menganggap sindiran media asing bahawa antara kejayaan beliau ialah menyatupadukan pembangkang, sebagai penghormatan besar.

"Saya suka memaklumkan kepada mereka yang tersalah mendapat maklumat ini bahawa saya menganggapnya sebagai satu penghormatan kerana saya sudah berjaya menyatupadukan parti-parti pembangkang daripada pelbagai kaum di bawah satu bumbung," katanya.

(END)